

## **Intergenerasi, Sokongan Psikologi dan Sosial Penjagaan Warga Tua dalam Pelbagai Etnik di Sabah**

**Nurul Hudani binti Nawi  
Puteri Hayati Megat Ahmad  
Mohd Dahlan A. Malek  
Getrude Cosmas  
Habibie Ibrahim  
Peter Voo  
Wanda Kiyah**

Universiti Malaysia Sabah

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara intergenerasi dengan sokongan psikologi dan sosial dalam kalangan anak dewasa yang menjaga warga tua (ibu bapa) dalam komuniti pelbagai etnik di Sabah. Terdapat tiga set soal selidik yang telah digunakan dalam kajian ini iaitu soal selidik Parent-Child Interaction Questionnaire-Revised (PACHIQ-R) (Lange, 2001) telah diadaptasi daripada versi Tahap Pertama The Parent-Child Interaction Questionnaire (PACHIQ) (Lange, Blonk & Wiers, 1998) bagi mengukur hubungan intergenerasi. Manakala soal selidik The Emotional Support Scale (ESS) yang dibangunkan oleh Hisada, Seng & Minoguchi (1989) digunakan bagi mengukur sokongan psikologi dan akhir sekali alat ukuran Social Support Questionnaire (SSQ) yang dibangunkan oleh Sarason, Levine, Basham (1983) digunakan bagi mengukur sokongan sosial. Analisis Korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara sokongan sosial dengan hubungan intergenerasi ( $r=.585, k<0.05$ ) manakala tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi sokongan psikologi dengan hubungan intergenerasi ( $r=.344, k>0.05$ ). Kajian juga telah mempamerkan dengan meletakkan sokongan sosial sebagai aspek yang sederhana kuat berkorelasi dengan intergenerasi berbanding sokongan psikologi. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan bagi menghasilkan satu modul polisi berpandukan Dasar Warga Tua Negara (DWEN) yang perlu dilakukan penambahbaikan dalam pelan tindakan negara secara holistik dan bersepadu berkaitan aspek sosial dan psikologi bagi menjamin kesejahteraan penjaga dan juga warga tua.*

**Kata kunci:** Intergenerasi, Sokongan Psikologi dan Sokongan Sosial  
**SAPJ Code: 2070**

### **Pengenalan**

Pembangunan yang pesat telah berlaku dalam masyarakat Malaysia yang pastinya turut memberi kesan kepada perubahan sosial kepada kehidupan manusia. Pada dasarnya pembangunan ini adalah untuk menaik taraf atau status hidup ke arah yang lebih berkualiti. Namun, pembangunan ini juga turut memberi impak kepada kehidupan harian anak dewasa yang menjaga ibu bapa mereka. Impak yang paling ketara adalah cabaran dalam proses penjagaan warga tua di samping cabaran dengan tanggungjawab dengan kerjaya. Dalam hal ini, dalam konteks masyarakat di Malaysia, majoriti keluarga berpegang kepada nilai dan norma bahawa anak-anak adalah bertanggungjawab untuk menjaga orang tua mereka. Secara realitinya, tanggungjawab menjaga ibu bapa bukan dipikul oleh seorang anak sahaja. Anak dewasa ini memerlukan pelbagai bantuan dan sokongan daripada semua pihak terutamanya adik beradik yang lain dan saudara mara terdekat, jiran tetangga dan pihak kerajaan.

Realitinya, penuaan adalah satu proses semulajadi yang dialami oleh semua penduduk di dunia dan ianya tidak dapat dielakkan. Dengan kemajuan teknologi perubatan, negara-negara membangun turut melalui transisi demografi yang pesat. Ini adalah berikutan penurunan kadar fertiliti dan kadar mortaliti yang akhirnya meningkatkan populasi warga tua. Sehubungan itu, penurunan kadar kesuburan menyebabkan berlakunya penambahan secara berterusan populasi warga tua dalam masyarakat dunia hari ini (Chan, 1992).

Peningkatan populasi warga tua ini juga adalah indikator kepada peningkatan tahap kesihatan dunia. Berpandukan kepada definisi yang dibuat di World Assembly On Ageing, 1982 di Vienna, warga tua ditakrifkan sebagai mereka yang berumur 60 tahun ke atas (WHO, 2008). Berdasarkan takrifan tersebut populasi warga tua dunia adalah seramai 606 juta pada tahun 2000 dan menjelang 2050, populasi ini dijangka akan meningkat kepada 2 billion orang (United Nations, 2002).

Malaysia juga sedang mengalami peralihan demografi atau perubahan struktur demografi yang menyebabkan penuaan populasi atau peningkatan bilangan warga tua sejak 1960-an. Realitinya peralihan demografi ini adalah kesan daripada penurunan kadar kelahiran dan kadar mortaliti, peningkatan kawalan penyakit dan kemudahan kesihatan yang semakin baik. Di Malaysia, bilangan warga tua terus meningkat dari setahun ke setahun. Pada tahun 2010, jumlah penduduk di negara ini adalah sebanyak 28,334.135 juta orang dan 7.9 % (2,251,216) daripadanya adalah warga tua. Menurut takrifan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization) sesebuah negara akan mengalami 'fenomena ketuaan' (*ageing phenomenon*) apabila jumlah warga tuanya mencapai 7% daripada keseluruhan jumlah penduduk di negara tersebut. Berdasarkan takrifan ini, dijangka Malaysia akan mencapai kategori Nation of Ageing Population menjelang tahun 2020. Ini adalah kerana jumlah penduduk warga tua akan mewakili 9.9% penduduk daripada jumlah keseluruhan penduduk (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2000).

Umumnya, berdasarkan tradisi dan nilai budaya yang diwarisi, warga tua yang memerlukan penjagaan lazimnya dijaga oleh ahli keluarga sendiri terutamanya anak wanita. Namun nilai-nilai ini beransur-ansur berubah disebabkan oleh arus pembangunan dan proses modenisasi (Pala, 1998). Akibat modenisasi, masyarakat mengalami kemajuan dalam teknologi kesihatan, teknologi ekonomi, peningkatan pambandaran dan bertambahnya peluang pendidikan. Keempat-empat aspek ini dianggap sebagai gerak kuasa utama yang boleh menimbulkan pelbagai masalah dalam konteks ketersediaan sumber penjagaan kepada warga tua dalam masyarakat moden (Wan Ibrahim, 2003). Permintaan yang tinggi terhadap perkhidmatan penjagaan warga tua menyebabkan berlakunya limpahan penghuni di institusi kebajikan berbanding dengan kapasiti sebenar di tempat tersebut.

Masalah penjagaan warga tua boleh wujud dalam banyak situasi. Antaranya dari segi jarak geografi dalam menyara kehidupan atau jenis pekerjaan akan menyukarkan anak-anak menjaga ibubapa. Kos sara hidup dan kos perubatan yang sangat tinggi menyebabkan anak-anak berpendapatan rendah sukar untuk memberi komitmen dalam proses penjagaan. Kerenah warga tua atau kesihatan mental warga tua juga merupakan punca anak-anak yang bekerja sukar untuk menjaga warga tua yang kurang upaya atau sakit terlantar. Di samping itu penyertaan wanita dalam pasaran tenaga buruh juga menyebabkan timbulnya masalah dalam penjagaan ibubapa. Di Malaysia, penyertaan wanita dalam tenaga buruh meningkat daripada 44.7% pada 1995 kepada 46.4 % pada 2009. Menjelang akhir Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RM Ke-10) iaitu pada tahun 2015 disasarkan penglibatan wanita sebanyak 55% dalam tenaga buruh.

Realitinya warga tua akan melalui satu peringkat di mana mereka terpaksa bergantung sepenuhnya kepada orang lain untuk penjagaan diri sendiri (Cicirelli, 1983) sehingga kadang-kadang memberi masalah kepada mereka. Kebergantungan warga tua ini berlaku apabila mereka yang dahulunya berdikari kini menjadi uzur dan terpaksa bergantung kepada anak dewasa. Perubahan ini pastinya mewujudkan pola hubungan asimetri antara anak dewasa dengan ibu bapa. Walaupun terdapat salah seorang antara

adik-beradik yang sanggup memberi penjagaan kepada ibu bapa tua, namun penjagaan yang diberikan kepada ibu bapa kadang kala tidak mendapat sokongan yang sepatutnya daripada adik beradik yang lain.

Kajian yang dijalankan oleh Khadijah (2007) terhadap anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua menunjukkan kebanyakan responden tidak berpuas hati dengan bantuan yang dikemukakan oleh adik-beradik mereka yang lain. Pelbagai alasan yang dikemukakan. Lazimnya alasan adik-beradik lain adalah masalah kewangan, anak mereka bersekolah, suami sibuk bekerja, tinggal di luar kawasan dan sebagainya. Walau bagaimanapun alasan yang diberikan, sebagai seorang anak yang bertanggungjawab sewajarnya memberikan penjagaan terbaik kepada ibubapa yang telah tua. Keadaan ini memberi gambaran bahawa kemungkinan terdapat permasalahan dari segi hubungan intergenerasi dan sokongan psikologi mahu pun sosial dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Hubungan intergenerasi merupakan hubungan timbal balik antara dua generasi iaitu antara ibu bapa dan anak atau kesalingan. Misalnya ibu bapa yang dapat memberi jagaan dan perhatian yang baik serta secukupnya dijangka akan dibalas dengan layanan yang setimpal oleh anak-anak mereka pada masa tua nanti.

Namun, tindakan anak-anak atau waris yang tidak bertanggungjawab terhadap penjagaan warga tua memberi kesan yang buruk ke atas institusi kekeluargaan khususnya dan kepada masyarakat amnya. Isu intergenerasi adalah bidang penting yang perlu dibincangkan bagi menyelesaikan masalah penjagaan warga tua yang masih belum diberi perhatian serius. Hubungan intergenerasi dan sokongan sosial yang baik mungkin boleh menyumbang kepada pengurangan masalah penjagaan warga tua. Dalam hal ini anak dewasa pula menjangkakan hubungan tersebut telah memenuhi tanggungjawab dan memuaskan hati ibu bapa mereka.

## **Kajian lepas**

### **Hubungan intergenerasi antara penjaga dengan warga tua**

Dalam masyarakat pelbagai etnik di Malaysia, aspek yang paling penting dalam hubungan intergenerasi ialah sokongan dan bantuan untuk satu atau lebih warga tua merupakan tanggungjawab utama anak dewasa. Malah, isu penjagaan warga tua perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Sehubungan itu, satu artikulasi untuk pembentukan polisi yang menganjur perkongsian beban penjagaan di antara kerajaan dan keluarga telah diperkenalkan. Misalnya, kajian di Australia tentang timbal-balik intergenerasi bagi memahami sokongan keluarga misalnya anak dewasa yang menjaga warga tua mendapati sokongan daripada pihak kerajaan amat penting dalam merangsang penyediaan perkhidmatan penjagaan warga tua dalam komuniti.

Namun terdapat juga kajian yang dilakukan di negara maju ke atas aspek ini mendapati hubungan antara warga tua dengan ahli keluarga tidak mempunyai kaitan yang jelas. Misalnya kajian oleh Glenn, Norvel, McLanehan dan Sara (1981) yang telah mengkaji kesan sokongan keluarga ke atas warga tua mendapati hubungan interaksi antara anak dengan warga tua tidak mempunyai pengaruh yang penting ke atas warga tua. Malah Glenn et al., (1981) melaporkan walau pun anak-anak penting dalam memberikan sokongan kepada warga tua, tetapi kewujudan dan interaksi dalam keluarga didapati tidak mempunyai hubungan yang kuat dengan hidup warga tua. Hal ini konsisten dengan dapatan di Amerika Syarikat yang mendapati tidak terdapat hubungan yang positif antara hubungan interaksi anakanak dengan kehidupan warga tua (Lee & Ellithorpe, 1982).

Dalam Kajian ini, hubungan antara generasi boleh dirujuk berdasarkan sifat timbal balik atau kesalingan. Banyak kajian empirikal yang telah dijalankan bagi menyatakan norma timbal balik dalam hubungan ibu bapa dan anak bagi mengambil kira pertukaran sumber merentasi generasi kedua di negara-negara maju dan negara membangun (Croll, 2006; Guo, Chi, & Silverstein, 2012; Lennartsson, Silverstein, & Fritzell, 2010; Leopold & Raab,

2011). Ibu bapa yang dapat memberi jagaan dan perhatian yang baik serta secukupnya dijangka akan dibalas dengan layanan yang setimpal oleh anak-anak mereka pada masa tua nanti. (Henretta, Hill, Li, Soldo, & Wolf, 1997; Silverstein, Conroy, Wang, Giarrusso, & Bengtson, 2002).

Ibu bapa yang dikatakan dapat memberi nasihat dan pertolongan kepada anak-anak semasa kecil dapat membantu anak mereka membalas jasa ketika mereka berusia tua. Perspektif kesalingan menyatakan bahawa penjagaan rapi yang diberi oleh ibu bapa kepada anak-anak khususnya dalam pemberian kewangan akan dibalas oleh penjagaan dan pemberian bantuan kepada mereka apabila tua nanti (Silverstein & Giarrusso, 2010). Lantaran itu, kajian yang dijalankan oleh Silverstein, Conroy, Wang, Giarrusso & Bengtson (2002) menjelaskan kitaran hidup mengenai anak-anak muda dewasa yang menerima sokongan emosi dan kewangan daripada ibu bapa mereka dahulu akan membalas jasa balik kepada ibu bapa pada hari kemudian. Namun begitu, tingkah laku anak-anak dewasa khususnya dalam penjagaan dan sokongan terhadap warga tua adalah berkaitan juga dengan faktor lain selain norma kesalingan. Pada masa yang sama, perspektif ibu bapa adalah mereka harapkan sokongan yang sepatutnya diberi kepada mereka sedangkan ia merupakan budaya yang harus dipatuhi.

Bagi warga tua yang telah menjalankan tanggungjawab membesarkan anak-anak dari kecil sehingga dewasa seharusnya mendapat jaminan dan sokongan psikologi dan sosial yang kukuh daripada anak-anak. Sehubungan dengan itu, kajian Chen (2002) menunjukkan 72% warga tua menetap bersama-sama anak-anak mereka. Ini menunjukkan tahap kebergantungan warga tua yang tinggi terhadap anak dewasa mereka bagi mengharungi sisa-sisa hidup mereka.

Beberapa kajian menunjukkan bahawa hubungan antara generasi dan sokongan yang kanak-kanak dewasa menawarkan kepada ibu bapa mereka adalah bergantung kepada pengalaman awal mereka semasa dalam induk - hubungan anak dahulu (Schwarz and Trommsdorff, 2005). Malah, hubungan antara generasi yang ditandai dengan konflik boleh memberi impak negatif dalam penukaran sokongan antara generasi. Kekekapan perhubungan antara ahli keluarga dan ikatan emosi yang kuat tidak menjamin pengalaman yang positif (ŠADL, Zdenka, HLEBEC & Valentina, 2010). Anak dewasa yang menghadapi masalah tentang kekurangan perasaan selamat dalam hubungan (insecure attachment relationships) boleh menghadapi masalah apabila menjaga ibu bapa mereka. Hal ini demikian kerana operasi separa sadar mental mereka mengingatkan tentang pengalaman yang mereka alami secara berulang dengan penjaga mereka yang dahulu dan meliputi senario yang melibatkan emosi seperti perasaan penolakan dari ibu bapa (ŠADL, Zdenka, HLEBEC & Valentina, 2010). Walau bagaimanapun, keadaan zaman kanak-kanak yang tertekan tidak bermakna bahawa anak dewasa semestinya mempunyai masalah atau kekangan apabila menawarkan sokongan atau perhubungan dengan ibu bapa mereka. Walaupun hubungan awal dengan ibu bapa dikatakan dapat mempengaruhi penjagaan ibu bapa, sokongan terhadap ibu bapa akan kian meningkat serentak dengan peningkatan usia dan peredaran masa (Silverstein et al., 2002; Merz, Schuengel & Schulze, 2007).

### **Sokongan psikologi penjaga dalam penjagaan warga tua**

Realitinya, sokongan psikologi memainkan peranan penting kepada individu yang menjaga warga tua. Hal ini kerana kestabilan emosi dalam kalangan penjaga warga tua mampu mempamerkan satu penjagaan yang berkualiti terhadap keperluan warga tua. Menurut Abdul Aziz Abd. Razak Abd Manaf, Zakiyah Jamaluddin, (2011), sokongan emosi kerap digunakan dalam konteks jaringan sosial kerana dapat memberikan sokongan dan bantuan yang diperlukan oleh penjaga warg tua dan warga tua itu sendiri.

Kajian oleh Siti Hajar, Fatimah, Noralina & Nur Saadah (2012) mendapati bahawa tekanan sosial, fizikal dan emosi meninggalkan kesan yang sama banyaknya kepada penjaga. Sungguh pun penjaga memerlukan sokongan emosi, bantuan praktikal, lebih

banyak maklumat namun kemahuan mereka yang utama adalah agar masyarakat sedar dan mengiktiraf keperluan mereka dan sebolehnya membantu keperluan-keperluan para penjaga berkenaan. Antara perkhidmatan tersebut merangkumi keperluan berdasarkan latar belakang etnik, budaya, agama yang pelbagai, kesempatan untuk berehat, bantuan praktikal dan aspek yang lebih penting adalah keperluan untuk meluahkan perasaan dan bercakap mengenai emosi semasa yang kelihatan agak sukar untuk dipenuhi.

### **Sokongan Sosial Penjaga dalam Penjagaan Warga Tua**

Isu sokongan sosial yang diperlukan oleh penjaga menjadi antara fokus yang penting dalam membentuk kesejahteraan dalam hidup kekeluargaan. Ini kerana setiap individu memerlukan kesejahteraan dalam hidup tidak kira dari aspek sosial mahupun psikologi. Begitu juga dengan kesejahteraan para penjaga warga tua seringkali dikaitkan dengan bebanan yang terpaksa ditanggung mereka apabila terhalangnya mobiliti sosial mereka bagi menyediakan penjagaan yang baik kepada warga tua yang dijaga. Dilemma dalam kalangan penjaga warga tua ini merupakan salah satu fenomena global yang timbul akibat daripada pemodenan dan kemajuan (Khadijah, 2012) dengan wujudnya peningkatan populasi warga tua khususnya di Malaysia.

Perspektif sokongan sosial merujuk kepada transaksi interpersonal yang melibatkan satu atau lebih elemen seperti kasih sayang, pengakuan dan bantuan. Elemen kasih sayang dilihat sebagai faktor minat manakala pengakuan pula merujuk kepada ekspresi penerimaan atau kebenaran sesuatu tindakan oleh seseorang. Dan elemen bantuan pula merujuk kepada bantuan secara langsung atau pertolongan dari segi kewangan, maklumat, masa dan keperluan. Malahan, sokongan sosial juga boleh dibahagikan kepada dua iaitu tangible support seperti bantuan kewangan dan peralatan dan untagible support seperti hubungan sosial dan bantuan penjagaan.

Realitinya, konsep sokongan sosial dalam kalangan masyarakat setempat memberi pengaruh yang besar bagi isu penjagaan warga tua. Hal ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Fatimang dan Rahmah (2011) mendapati bahawa sokongan sosial, nilai, hubungan kekeluargaan dan keadaan persekitaran tempat tinggal mempegaruhi pola penjagaan tidak formal yang secara langsung adalah bergantung kepada tahap keperluan yang berbeza. Ini seiring dengan kajian oleh Fatimang, Rahmah dan Fatimah (2009), menekankan akan kepentingan sokongan sosial terutama dalam usaha meningkatkan kefungsiannya sebagai penjaga warga tua. Hal ini juga selaras dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Khadijah, Nasrudin, Mohd Suhaimi, Fauziah, Norulhuda dan Salina (2015) yang melaporkan sokongan sosial daripada ahli keluarga penjaga warga tua adalah penting bagi mengurangkan beban penjagaan dengan bantuan adik-beradik dari pelbagai segi sokongan Anak dewasa yang menjaga warga tua sering dikunjungi oleh adik beradik dan saudara mara yang lain dilihat mempunyai jaringan sokongan sosial yang lebih baik. Tambahan sokongan sosial dapat meringankan beban penjagaan dengan bantuan daripada anak-anak yang tinggal berasaingan kerana memberi sumbangan dari segi moral dan juga kewangan. Sebaliknya, berbeza pula dengan Rasha dan Faiza (2012), melaporkan penjaga yang kurang mendapat sokongan sosial sering kali mempunyai masalah kewangan dan seterusnya akan mengalami bebanan yang berlebihan.

## **Metod**

### **Reka bentuk kajian**

Reka bentuk kajian adalah kajian tinjauan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan mengaplikasikan kaedah tinjauan keratan rentas (*cross-sectional*). Kajian ini merupakan kajian rintis.

### Subjek dan tempat kajian

Kajian ini melibatkan anak dewasa lelaki atau perempuan yang menjaga ibu atau bapa atau yang menjaga ahli saudara terdekat yang lain. Seramai 31 subjek penjaga warga tua terlibat dalam kajian ini dengan menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) kerana pemilihan subjek berdasarkan beberapa ciri yang menghuraikan mereka sebagai penjaga warga tua. Antara ciri-ciri tersebut yang menghuraikan mereka sebagai penjaga tetap selama tiga tahun ke atas. Senarai subjek diperolehi daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kota Kinabalu, Sabah.

### Alat kajian

Data dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik yang mengandungi empat bahagian. Bahagian pertama berkenaan dengan maklumat demografi responden seperti jantina, umur, taraf pendidikan, kaum, pengalaman dan lain-lain. Manakala bahagian A terdiri daripada instrumen *Parent-Child Interaction Questionnaire-Revised* (PACHIQ-R) (Lange, 2001) untuk mengukur hubungan intergenerasi. Bahagian B merupakan instrumen *The Emotional Support Scale* (ESS) dibangunkan oleh Hisada, Seng & Minoguchi (1989) yang digunakan untuk mengukur sokongan emosi. Sementara itu, Bahagian C pula terdiri daripada instrumen *Social Support Questionnaire* (SSQ) yang dibangunkan oleh Sarason, Levine, Basham (1983) bagi mengukur sokongan sosial.

### Kebolehpercayaan

Pengkaji menggunakan kaedah pekali *alpha Cronbach* untuk mengukur nilai kebolehpercayaan item-item dari segi ketekalan dalaman. Pengkaji mendapati bahawa kebolehpercayaan item dalam soal selidik kajian pula, hasil dari kajian rintis menunjukkan kesemua nilai Cronbach's alpha item soal selidik kajian berada di atas nilai 0.65. (Jadual 1). Dapatan ini menerangkan bahawa kesemua bahagian soal selidik kajian adalah boleh dipercayai dan boleh digunakan dalam kajian sebenar.

**Jadual 1:** Kebolehpercayaan Instrumen Faktor Intergenerasi, Sokongan Psikologi dan Sokongan Sosial Ujian Rintis

Pemboleh ubah	Bil item	Nilai Alpa
Sokongan psikologi	19	0.948
Sokongan sosial	12	0.918
Hubungan intergenerasi	25	0.778

## Hasil Kajian

### Maklumat demografi dan tahap sokongan sosial dan psikologi bagi penjaga warga tua

#### Demografi Subjek

Bahagian ini menunjukkan keputusan daripada analisis deskriptif yang melaporkan profil subjek yang berkaitan dengan jantina, kaum, taraf pendidikan dan kategori tempat tinggal. Dalam kajian ini, seramai 31 orang responden di Sabah telah terpilih sebagai subjek kajian. Daripada jumlah tersebut, seramai 32.3 peratus adalah terdiri daripada lelaki manakala 67.7 peratus adalah subjek wanita. Mengikut pecahan kaum, seramai 13 (41.9) merupakan Kadazandusun, 11 (35.5) adalah kaum Melayu, sebanyak 3 orang (9.7) adalah India, manakala 2 orang (6.5) pula terdiri daripada Brunei dan lain-lain. Mengikut pecahan taraf pendidikan pula yang memiliki memiliki ijazah seramai 7 orang (22.6) ,seramai 20 orang atau 64.3 peratus mempunyai STPM, 3 orang atau 9.7 peratus dan 1 (3.2) merupakan yang memiliki sarjana sahaja. Manakala mengikut pecahan kategori pula, seramai 20 orang atau

64.5 tinggal di kawasan bandar manakala 11 orang (35.5) adalah subjek yang tinggal di pedalaman.

**Jadual 2: Demografi Subjek**

<b>Ciri Demografi</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Jantina</b>		
Lelaki	10	32.3
Perempuan	21	67.7
<b>Kaum</b>		
Melayu	11	35.5
India	3	9.7
Kadazandusun	13	41.9
Bajau	2	6.5
Brunei	1	3.2
Lain-lain	1	3.2
<b>Taraf pendidikan</b>		
STPM	20	64.3
Diploma	3	9.7
Ijazah	7	22.6
Sarjana	1	3.2
<b>Tempat Tinggal</b>		
Bandar	20	64.5
Luar bandar	11	35.5

### **Hubungan sokongan sosial dan psikologi dengan faktor intergenerasi**

Dapatan menunjukkan hubungan yang signifikan antara sokongan sosial ( $r=0.585, k<0.05$ ) dan sokongan psikologi ( $r=0.344, k>0.05$ ) dengan faktor intergenerasi. Dapatan ini menjelaskan semakin tinggi sokongan sosial yang diterima maka semakin baik hubungan intergenerasi yang wujud antara anak dan warga tua. Walau bagaimana pun dapatan kajian juga mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi sokongan psikologi dengan faktor intergenerasi ( $r=0.344, k<0.05$ ).

**Jadual 3: Analisis Korelasi Hubungan Antara Sokongan Sosial dan Psikologi dengan Faktor Intergenerasi**

<b>Bentuk Sokongan</b>	<b>Hubungan intergenerasi</b>
Sokongan sosial	0.585(**)
Sokongan Psikologi	0.344

N= 30

\* signifikan pada aras  $k<.05$

### **Perbincangan**

Dapatan secara khususnya telah menunjukkan kepentingan sokongan sosial sebagai faktor yang mempunyai perhubungan dengan faktor intergenerasi dalam kalangan penjaga. Ini menunjukkan bahawa kesejahteraan penjaga warga tua lebih baik jika mereka merasakan

ada banyak jaringan sokongan sosial dalam proses penjagaan warga tua sehingga membentuk hubungan yang baik dengan ibu bapa masing-masing. Hal ini selaras dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Khadijah, Nasrudin, Mohd Suhaimi, Fauziah, Norulhuda dan Salina (2015) yang melaporkan sokongan sosial daripada ahli keluarga penjaga warga tua adalah penting bagi mengurangkan beban penjagaan dengan bantuan adik-beradik dari segi sokongan ketara dan tidak ketara. Situasi ini seterusnya menjamin kepada interaksi hubungan yang baik antara anak dewasa dengan ibu bapa.

Malahan, anak dewasa yang menjaga warga tua apabila sering kali dikunjungi oleh adik beradik dan saudara mara yang lain dilihat mempunyai jaringan sokongan sosial yang lebih baik. Oleh yang demikian, penjaga yang dikelilingi oleh ramai ahli keluarga dan saudara mara adalah dilihat mempunyai sokongan sosial yang lebih baik berbanding mereka yang menguruskan hal ehwal warga tua secara bersendirian. Ini konsisten dengan dapatan kajian oleh Amendoal dan Alvarenga (2011) yang melaporkan bahawa jumlah isi rumah yang tinggal bersama dalam satu rumah dapat memberikan jaringan sosial yang baik. Ini dapat digambarkan dengan penglibatan ramai ahli keluarga dalam penjagaan akan mewujudkan sistem giliran yang boleh meningkatkan kesejahteraan penjaga (Allen, Lima, Goldscheider dan Roy, 2012). Manakala bantuan daripada anak-anak yang tinggal berasingan pula dapat memberi sumbangan dari segi moral dan juga kewangan. Sebaliknya, menurut Rasha dan Faiza (2012) penjaga yang mendapat kurang sokongan sosial, mempunyai masalah kewangan dan lebih lama dalam penjagaan warga tua akan mengalami lebih bebanan. Situasi sebegini didapati boleh menjejaskan hubungan anak dengan ibu bapa mereka.

Justeru, sokongan sosial dilihat sebagai wujudnya orang-orang yang memberi tahu individu lain bahawa mereka mengambil berat, menghargai dan menyayanginya (Sarason, Levine & Basham, 1983). Untuk itu sokongan sosial membantu individu untuk menghadapi masalah dengan lebih baik, meningkatkan semangat kekeluargaan, matlamat dan harga diri dalam merangsang pertumbuhan ikatan keluarga yang positif. Malah sokongan sosial juga boleh membantu mengatasi masalah-masalah asas yang mendorong kepada kemurungan. Hal ini selaras dengan kenyataan oleh Cohen & Willin (1985) bahawa sokongan sosial juga dikaitkan dengan pengurangan masalah kesihatan mental.

Oleh yang demikian, aspek sokongan sosial memainkan peranan penting terhadap seseorang individu terutama bagi mereka yang terlibat dengan penjagaan warga tua. Keperluan sokongan sosial ini membolehkan individu mencapai matlamat dan memenuhi kehendak serta memperolehi kesejahteraan hidup. Menurut Burke dan Weie (1979) dalam Wong Mee Tuan (2002), individu yang gagal memperolehi sokongan sosial menyebabkan beliau mengalami perasaan rendah diri dan merasa tidak dihargai serta membawa kepada berlakunya kemurungan sekali gus menjejaskan kesejahteraan hidup yang berkualiti. Berbeza pula dengan dapatan yang menunjukkan bahawa sokongan psikologi tidak mempunyai hubungan dengan faktor intergenerasi dalam kalangan subjek penjaga warga tua. Ini tidak konsisten dengan dapatan kajian oleh Abdul Aziz et al, (2002), sokongan emosi kerap digunakan dalam konteks jaringan sosial kerana dapat memberikan sokongan dan bantuan yang diperlukan oleh penjaga warga tua dan warga tua itu sendiri.

### **Limitasi**

Isu pertama merupakan batasan dari segi pensampelan. Memandangkan fokus utama kajian ini adalah penjaga warga tua, khususnya dari segi penjaga yang berlainan kaum. Walau bagaimanapun, masalah bilangan dan nisbah kaum yang tidak serata dapat mempengaruhi keberkesanan keputusan bagi mewakili jumlah penduduk secara keseluruhan.. Nisbah pensampelan yang sedikit tidak dapat membawa perwakilan yang keseluruhan bagi penduduk di Sabah. Masalah yang sama turut terjadi bagi pensampelan jantina.



Isu kedua dapat dikaitkan dengan kawasan pensampelan. Walaupun kawasan kajian yang utama meliputi seluruh negeri sabah, malah responden yang berjaya diperolehi masih tidak mencapai seluruh kawasan seperti kawasan di Lahad Datu, Keningau, Sandakan, Kudat dan Kota Marudu. Kegagalan mendapatkan responden di kawasan-kawasan berkenaan disebabkan ketandusan masa dan keperluan kos kewangan yang lebih. Info-info berkaitan penjaga di seluruh kawasan Sabah adalah amat penting bagi memperolehi maklumat yang lengkap bagi mengetahui perbezaan ciri-ciri penjaga secara tepat.

### **Implikasi kajian**

Hasil kajian secara tidak langsung dapat memberikan maklumat yang boleh dimanfaatkan bagi keperluan mempertingkatkan hubungan antara generasi melalui pemberian sokongan dari segi emosi dan sosial kepada penjaga warga tua. Kualiti sokongan yang baik dapat membantu mengeratkan hubungan serta meningkatkan kesanggupan anak-anak memberi penjagaan kepada ibu bapa mereka. Pihak-pihak tertentu seperti pihak kerajaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan ahli masyarakat khususnya penduduk di Malaysia serta pihak yang lain boleh memanfaatkan hasil kajian ini bagi membantu memperkasakan interaksi hubungan antara generasi muda dengan generasi tua. Selain itu kajian ini boleh digunakan sebagai panduan bagi merancang program penambahbaikan institusi keluarga dan mempertingkatkan prestasi sumber manusia.

### **Kesimpulan**

Keluarga terdekat seperti anak-anak merupakan pilihan utama untuk meminta pertolongan dan sokongan dalam komuniti. Malahan hubungan antara ibu bapa dengan anak dewasa dalam masyarakat melayu adalah berdasarkan rasa hormat dan sikap bertanggungjawab terhadap satu sama lain. Penjaga atau anak dewasa adalah asset dan sumber utama kepada warga tua terutama yang sakit terlantar. Oleh yang demikian, penerimaan tanggungjawab dan komitmen daripada anak dewasa tinggal dirumah sendiri dilihat boleh mengekalkan keharmonian hubungan baik antara mereka dan juga masyarakat. Jelas kepada kita, penjagaan warga tua di rumah merupakan amalan murni yang tidak ternilai maknanya kepada semua pihak. Malahan, hubungan antara generasi dalam keluarga memberi manfaat timbal balik kepada semua pihak hingga menyumbang kepada kesejahteraan keluarga, kebahagiaan dan kesungguhan yang tinggi dalam melalui kesabaran dalam penjagaan.

### **Rujukan**

- Abdul Aziz Jemain. (2001). *Jaminan sosial warga tua*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Abd. Aziz. Abd. Razak Abd Manaf, Zakiah Jamaluddin. (2002). Kerja Sosial, Artikel-Artikel Pilihan. Utusan Publication dan Distribution Sdn.Bhd. (Hlm 17).
- Allen, S. M., Lima, J. C., Goldscheider, F. K., & Roy, J. (2012). Primary caregiver characteristics and transitions in community-based care. *The Journals of Gerontology Series B: Psychological Sciences and Social Sciences*, 67(3), 362-371.
- Asnarulkhadi Abu Samah.(2006). Sokongan sosial warga tua: Satu kajian rol famili. *Monograf Institut Gerantologi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Chua,T.T (1988). Some myths and facts about the elderly. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 8,1-5.

- Cicirelli, V.G.(1983). Adult children and their elderly parents. Dlm. T.H. Brubaker (Eds.) *Family relationship in later life*. Beverly Hill, Calif.: Sage.
- Cohen & Willis, (1985). *A Quasi-experiment on the Effects Of Superordinate Categorisation on Liking of People from Other Nations. Psychology & Developing Societies, 20 (2), 183-208.*
- Dul, J. & Hak, T. (2008). *Case study methodology in business research*. British: Elsevier Ltd.
- Fatimang L & Rahmah MA.(2011). Penjagaan pesakit strok: adakah ia satu bebanan? Apa yang penjaga persepsikan?, *Journal of Community Health,17(1), 32-41.*
- Fatimang Ladola, Rahmah Mohd Amin & Fatimah Abdullah. (2009). Penjaga wanita bagi warga tua pesakit strok di Bandar. *Jurnal Pengurusan Sosial Malaysia, 6, 57-72.*
- Glenn, Norval D.; McLanahan, Sara. (1981). The effect of children on the psychological wellbeing of older adults. *Journal of Marriage and Family, 43, 409-421.*
- Hashim Hj Yahya. (1989). *Tanggungjawab ibubapa dan anak menurut Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Fajar.
- Horwitz, Allan V. (1993). Adult siblings as sources of social support for the seriously mentally III. Test of the serial model. *Journal of Marriage and The Family, 55, 623-632.*
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.(2006.) Profail Statistik 2006 Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2005). Banci penduduk dan perumahan Malaysia 2000.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2010). *Buletin perangkaan bulanan* Malaysia September 2010. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (1991). Laporan tahunan. Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Khadijah Alawi, Nasrudin Subhi, Mohd Suhaimi Mohamad, Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon & Salina Nen. (2015). Peranan kesejahteraan dan daya tahan dalam pengukuhan keluarga Sandwich, *Akademika, 85(1), 25-32.*
- Khadijah Alavi, (2012). *Dilemma penjagaan ibu bapa*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khadijah Alavi, Rahim M. Sail., Khairudin Idris & Asanarulkhadi Abu Samah. & Christine Chan. (2011). Keperluan sokongan emosi dalam kalangan anak dewasa yang menjaga warga tua. *Jurnal e-Bangi, 6(1), 102-114.*
- Khadijah Alavi. (2007). Pengalaman anak dewasa berpendapatan rendah yang menjaga ibubapa tua: Satu pendekatan berteraskan pendidikan komuniti. *Kajian Malaysia,2.*
- Lange, A.(2001). *The manual of the parent-Child Interaction Questionnaire-Revised, PA-CHIQR*.Houten:Bohn Straflue van Loghum.
- Lee, Gary R. & Ellithorpe. E. (1982). Intergenerational Exchange and Subjective WellBeing among the Elderly. *Journal of Marriage and the Family, 44,217-224.*
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan kualitatif pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.
- Pala, J.(1998). Warga tua dan penuaan penduduk di Malaysia. *Siri monograf Banci penduduk* no.4. Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Sarason, I.G., Levine, H.M., Basham, R.B. & Sarason, B.R. (1983). Assessing social support: The Social Support Questionnaire. *Journal of Personality and Social Psychology, 44,83.*
- Siti Hajar Abu Bakar, Fatimah Abdullah, Noralina Omar & Nur Saadah Mohamad Aun. (2012). Keperluan program sokongan sosial untuk penjaga tidak formal di Malaysia, *Sarjana, 27(1), 59-71.*
- Social Policy in Malaysia. (2008).*A study of social support for the elderly in a rural area*. Institut Sosial Malaysia: Kuala Lumpur.

- Rasha Aziz Attia Salam & Faiza Ahmed Abou El-Soud. Caregiver burden from caring for impaired elderly : A cross-sectional study in rural lower Egypt. *Italian Journal of Public Health*, 9(4), 22-31.
- United Nations. (2002). *World population Ageing 1950-2050*. New York : DESA, United Nations.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad. (2003). Penjagaan warga tua dalam budaya Melayu di Malaysia: Kes masyarakat desa di Kelantan. *Malaysia Jurnal of Social Admistration*. Vol 2, 81-103.